

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)

Website: www.upp.org.uk  
Email: admin@upp.org.uk



اونيت فنونتوتز بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
35 - 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

**SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT  
BIL. 16/2020**

**KEPADA: SEMUA PELAJAR BRUNEI YANG MENUNTUT DI UNITED  
KINGDOM DAN IRELAND**

**PERMAKLUMAN UMUM MENGENAI TEMPAT TINGGAL DAN VISA YANG  
BERKAITAN DENGAN COVID-19**

Dengan ini sukacita dimaklumkan kepada pelajar-pelajar berkenaan mengenai perkara berikut seperti yang dipaparkan di dalam laman sesawang <https://www.ukcisa.org.uk> bagi apa jua persoalan pelajar-pelajar yang berkaitan dengan tempat tinggal dan visa.

**TEMPAT TINGGAL:**

Kerajaan United Kingdom telah mengeluarkan panduan mengenai dengan pelajar-pelajar yang tinggal di *Halls of Residence*, yang membenarkan mereka terus menetap sekiranya pelajar tidak dapat pulang ke negeri masing-masing. Sekiranya pelajar dikehendaki keluar dari tempat tersebut, maka penyedia penginapan hendaklah memberi bantuan untuk pelajar mencari ejen bagi penginapan yang baru.

Bagi penyewa rumah-rumah persendirian, *landlord* hendaklah memberikan notis sekurang-kurangnya tiga(3) bulan [enam (6) bulan bagi Scotland] sekiranya mereka memerlukan pelajar-pelajar untuk meninggalkan rumah tersebut sebelum kontrak tamat.

**VISA**

Home Office telah mengarahkan Penaja Tier 4 untuk tidak memberhentikan visa pelajar melainkan dengan alasan menarik diri dari kursus atau alasan-alasan yang tidak berkaitan dengan pandemik COVID-19.

*abu*

Bagi visa Tier 4 yang telah dan akan mansuh dalam tempoh **24 Januari 2020 sehingga 31 Mei 2020**, dan pelajar tidak dapat meninggalkan UK dalam tempoh tersebut, peruntukan percuma telah diberikan untuk melanjutkan tempoh visa sehingga **31 Mei 2020** tanpa perlu membuat permohonan '*visa extension*'.

Penaja Tier 4, iaitu institusi pengajian pelajar sentiasa memantau dan memaklumkan perkara yang diperlukan berkaitan dengan pembelajaran secara atas talian. Sekiranya pelajar menghadapi apa-apa masalah yang menjejaskan pembelajaran atau *online assessment*, pelajar hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada institusi masing-masing.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.ukcisa.org.uk/Information--Advice/Studying--living-in-the-UK/Coronavirus-Covid-19-info-for-international-students>.

Didoakan semoga semua pelajar sentiasa dalam perlindungan Allah s.w.t. dan dihindarkan dari musibah penyakit COVID-19.

Sekian disampaikan.

WASSALAM



PG ALI SHAFIE BIN PG HJ ABAS

Pengarah Pengajian

Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU E/5  
Tarikh: 23 Sya'ban 1441H / 16 April 2020M  
wo/welfare20

